



14 Mac 2013
14 March 2013
P.U. (A) 93

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN
2013

FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011
PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN JURUANALISIS MAKANAN

3. Permohonan bagi pendaftaran
4. Pendaftaran
5. Salinan yang diperakui sah perakuan pendaftaran
6. Permohonan bagi perakuan amalan tahunan
7. Pembaharuan perakuan amalan tahunan
8. Salinan yang diperakui sah perakuan amalan tahunan
9. Pameran perakuan amalan tahunan, dsb.
10. Menjalankan amalan selain bidang analisis makanan yang diluluskan
11. Penyenggaraan dan pengemukaan rekod, dsb.

Peraturan

BAHAGIAN III
SIASATAN TATATERTIB

12. Jawatankuasa Tatatertib
13. Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mematuhi tatacara
14. Jawatankuasa Tatatertib boleh menghendaki suatu penyiasatan
15. Aduan terhadap juruanalisis makanan berdaftar
16. Penolakan terus aduan
17. Tatacara siasatan
18. Rekod siasatan hendaklah dikemukakan kepada Majlis
19. Pengendorsan Majlis
20. Anggota yang tidak layak menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis yang menjalankan siasatan apa-apa perkara tatatertib

JADUAL

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Akta Juruanalisis Makanan 2011 [*Akta 727*], Menteri, setelah berunding dengan Majlis, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Juruanalisis Makanan 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2014.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“Akta” ertinya Akta Juruanalisis Makanan 2011 [*Akta 727*];

“Majlis” ertinya Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Akta;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib; dan

“Jawatankuasa Tatatertib” ertinya Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah Akta.

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN JURUANALISIS MAKANAN

Permohonan bagi pendaftaran

3. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai juruanalisis makanan hendaklah membuat permohonan kepada Majlis dalam Borang A.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran sebagai juruanalisis makanan hendaklah disertakan dengan-

- (a) fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) keterangan kelayakan yang diperuntukkan dalam subseksyen 18(1) Akta;
- (c) dua salinan gambar ukuran pasport yang terkini;
- (d) keterangan sokongan bidang analisis; dan
- (e) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis.

(3) Jika pemohon ialah suatu pertubuhan perbadanan, permohonan hendaklah disempurnakan dan ditandatangani oleh seseorang atau orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh pertubuhan perbadanan itu.

(4) Apabila permohonan oleh pemohon itu dikemukakan, Majlis boleh dengan budi bicaranya menerima atau menolak permohonan itu.

(5) Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon itu akan keputusan Majlis berhubung dengan permohonan yang dibuat oleh pemohon itu.

Pendaftaran

4. (1) Apabila suatu permohonan bagi pendaftaran sebagai juruanalisis makanan diluluskan oleh Majlis, juruanalisis makanan hendaklah didaftarkan dalam Daftar sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang B.

(2) Apabila seseorang didaftarkan di bawah Akta ini, Majlis hendaklah mengeluarkan kepada orang itu suatu perakuan pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang C.

(3) Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut bagi pengeluaran perakuan pendaftaran dan boleh, dari semasa ke semasa, mengubah, menambah, membatalkan atau meminda syarat yang dikenakan pada perakuan pendaftaran yang dikeluarkan.

(4) Majlis hendaklah menyatakan bidang analisis makanan yang diamalkan oleh juruanalisis makanan berdaftar dalam perakuan pendaftaran itu.

Salinan yang diperakui sah perakuan pendaftaran

5. (1) Seseorang pemegang perakuan pendaftaran boleh memohon secara bertulis kepada Majlis bagi mendapatkan salinan yang diperakui sah perakuan pendaftaran jika perakuan itu telah hilang, rosak atau cacat.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan

(b) suatu salinan akuan berkanun yang dibuat oleh pemegang perakuan yang menyatakan bahawa perakuan yang dikeluarkan kepadanya itu hilang, rosak atau cacat.

(3) Majlis boleh mengeluarkan salinan yang diperakui sah perakuan pendaftaran kepada pemegang perakuan pendaftaran itu jika Majlis berpuas hati bahawa perakuan yang asal itu telah hilang, rosak atau cacat.

(4) Salinan perakuan asal yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan perakuan yang asal.

Permohonan bagi perakuan amalan tahunan

6. (1) Mana-mana juruanalisis makanan berdaftar yang berniat untuk menjalankan amalan sebagai seorang juruanalisis makanan hendaklah membuat permohonan kepada Pendaftar bagi suatu perakuan amalan tahunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang D.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi suatu perakuan amalan tahunan hendaklah disertakan dengan—

- (a) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) suatu salinan perakuan pendaftaran; dan
- (c) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang Pendaftar kehendaki.

(3) Jika pemohon ialah suatu pertubuhan perbadanan, permohonan hendaklah disempurnakan dan ditandatangani oleh seseorang atau orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh pertubuhan perbadanan itu.

(4) Apabila suatu permohonan bagi perakuan amalan tahunan diluluskan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan amalan tahunan di bawah subseksyen 20(2) Akta sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang E.

(5) Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut bagi pengeluaran perakuan amalan tahunan dan boleh, dari semasa ke semasa, mengubah, menambah, membatalkan atau meminda syarat-syarat yang dikenakan pada perakuan yang dikeluarkan itu.

Pembaharuan perakuan amalan tahunan

7. (1) Suatu perakuan amalan tahunan boleh diperbaharui apabila permohonan dibuat kepada Pendaftar dalam Borang F dan hendaklah disertai dengan fi pembaharuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum habis tempoh perakuan itu.

(2) Mana-mana juruanalisis makanan berdaftar yang berniat untuk meneruskan amalan tetapi gagal membuat pembaharuan permohonan sebelum habis tempoh perakuan amalan tahunan itu boleh membuat suatu permohonan kepada Pendaftar dalam Borang G dan hendaklah disertai dengan fi pembaharuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Pendaftar boleh, semasa meluluskan pembaharuan perakuan amalan tahunan, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu.

Salinan yang diperakui sah perakuan amalan tahunan

8. (1) Seseorang pemegang perakuan amalan tahunan boleh memohon secara bertulis kepada Pendaftar bagi mendapatkan suatu salinan yang diperakui sah perakuan amalan tahunan jika perakuan itu hilang, rosak atau cacat.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan

(b) suatu salinan akuan berkanun yang dibuat oleh pemegang perakuan amalan tahunan yang menyatakan bahawa perakuan yang dikeluarkan kepadanya itu hilang, rosak atau cacat.

(3) Pendaftar boleh mengeluarkan salinan yang diperakui sah perakuan amalan tahunan kepada pemegang perakuan amalan tahunan itu jika Pendaftar berpuas hati bahawa perakuan asal telah hilang, rosak atau cacat.

(4) Salinan perakuan asal yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan perakuan yang asal.

Pameran perakuan amalan tahunan, dsb.

9. (1) Pemegang perakuan amalan tahunan hendaklah menyebabkan perakuan itu dipamerkan pada sepanjang masa di suatu bahagian yang mudah dilihat di premis yang dinyatakan dalam perakuan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), pemegang perakuan amalan tahunan hendaklah mempamerkan apa-apa maklumat lain mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Menjalankan amalan selain bidang analisis makanan yang diluluskan

10. Seseorang juruanalisis makanan berdaftar yang menjalankan amalan sebagai juruanalisis makanan dalam suatu bidang selain bidang analisis makanan yang diluluskan oleh Majlis dan dinyatakan dalam perakuan pendaftaran dan perakuan amalan tahunan boleh dikenakan dengan tindakan tatatertib.

Penyenggaraan dan pengemukaan rekod, dsb.

11. (1) Pemegang perakuan amalan tahunan hendaklah pada sepanjang masa menyimpan dan menyenggara atau menyebabkan supaya disimpan atau disenggara suatu rekod analisis bagi suatu tempoh tidak kurang daripada lima tahun.

(2) Pemegang perakuan amalan tahunan hendaklah mengemukakan rekod itu atau apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan analisis makanan kepada mana-mana pegawai diberi kuasa apabila diminta bagi maksud pemeriksaan.

BAHAGIAN III SIASATAN TATATERTIB

Jawatankuasa Tatatertib

12. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang menjadi anggota Jawatankuasa Tatatertib.

(2) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terdiri daripada tiga orang anggota dan salah seorang daripada mereka hendaklah dilantik oleh Majlis sebagai Pengerusi.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa—

(a) membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Tatatertib;

(b) mengeluarkan mana-mana anggota Jawatankuasa Tatatertib;

(c) mengisi mana-mana kekosongan dalam Jawatankuasa Tatatertib; atau

(d) tertakluk kepada subperaturan (2), menambah bilangan anggota Jawatankuasa Tatatertib.

(4) Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah peraturan ini boleh dipersoalkan atas alasan mana-mana kekosongan keanggotaan dalam Jawatankuasa Tatatertib itu.

(5) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib.

(6) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah bermesyuarat pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat dan masa yang ditentukan oleh Pengerusi.

(7) Kuorum Jawatankuasa Tatatertib hendaklah dua orang.

(8) Semua soalan yang dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib hendaklah diputuskan melalui majoriti undi dan sekiranya berlaku bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(9) Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya disimpan rekod semua mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib.

Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mematuhi tatacara

13. Pada menjalankan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mematuhi tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Jawatankuasa Tatatertib boleh menghendaki suatu penyiasatan

14. Sebelum membuat suatu keputusan berkaitan dengan apa-apa perkara yang diperlukan untuk ditentukan, Jawatankuasa Tatatertib boleh, jika pada pendapatnya perlu untuk mendapatkan penjelasan lanjut, menghendaki suatu penyiasatan untuk dijalankan oleh suatu jawatankuasa kecil bagi tujuan untuk mendapatkan penjelasan dan cadangan.

Aduan terhadap juruanalisis makanan berdaftar

15. Jika aduan dibuat terhadap mana-mana juruanalisis makanan berdaftar yang mengatakan orang itu telah melakukan kesalahan di bawah subseksyen 23(2) Akta, apa-apa aduan itu hendaklah dihantar oleh Majlis kepada Pengerusi.

Penolakan terus aduan

16. (1) Jawatankuasa Tatatertib yang kepadanya aduan itu telah dihantar, boleh menolak terus apa-apa aduan jika ia berpuas hati—

- (a) bahawa nama dan alamat pengadu tidak diketahui dan tidak boleh dikesan;
- (b) bahawa walaupun fakta itu adalah benar, fakta itu tidak menjadi suatu perkara tatatertib; atau
- (c) bagi sebab yang mesti direkodkan, bahawa terdapat sebab untuk meragui kebenaran aduan itu.

(2) Jawatankuasa Tatatertib boleh sebelum membuat apa-apa keputusan menghendaki pengadu itu membuat suatu akuan berkanun fakta yang dikatakan olehnya.

Tatacara siasatan

17. (1) Jika Jawatankuasa Tatatertib mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa aduan itu adalah berkemungkinan benar, ia hendaklah—

- (a) melalui perintah secara bertulis menghendaki kehadiran pengadu atau mana-mana orang yang didapati mempunyai pengetahuan tentang keadaan itu, di hadapan Jawatankuasa Tatatertib, pada tarikh dan masa dan di tempat yang akan ditentukan dalam perintah itu; dan

(b) memberitahu juruanalisis makanan berdaftar yang kepadanya pengataan dibuat, kandungan aduan, tarikh, masa dan tempat di mana siasatan aduan itu hendak dibuat, dan haknya untuk hadir bersama atau tanpa peguam, untuk memeriksa balas mana-mana orang yang boleh dipanggil semasa siasatan itu.

(2) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah bersidang pada tarikh, masa dan di tempat yang dinyatakan dalam perintah dan hendaklah terus menyiasat pengataan yang dibuat terhadap juruanalisis makanan berdaftar itu.

(3) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah memeriksa pengadu atau orang yang menyokong pengataan itu, yang boleh kemudiannya diperiksa balas oleh juruanalisis makanan berdaftar dan jika perlu, diperiksa semula dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis pernyataan yang dibuat oleh pengadu atau mana-mana orang yang diperiksa.

(4) Setelah mengambil pernyataan pengadu atau mana-mana orang yang menyokong pengataan itu, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah—

(a) jika ia mendapati bahawa tidak ada alasan yang mencukupi untuk menyokong pengataan itu, mengesyorkan kepada Majlis bahawa tiada tindakan perlu diambil; atau

(b) jika ia mendapati bahawa pernyataan itu menyokong pengataan itu, membentuk suatu pertuduhan dan menjelaskan kepada juruanalisis makanan berdaftar bahawa dia bebas menyatakan pembelaannya atas tuduhan yang dibentuk terhadapnya.

(5) Jika juruanalisis makanan berdaftar setelah dimaklumkan haknya di bawah subperaturan (4) memilih untuk tidak membuat suatu pernyataan,

Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menentukan perkara mengikut subperaturan (7).

(6) Jika juruanalisis makanan berdaftar memilih untuk membuat pembelaan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah merekodkan pernyataannya setakat yang boleh, perkataan demi perkataan.

(7) Jika juruanalisis makanan berdaftar memilih untuk tidak membuat pernyataan atau setelah mengambil pernyataan juruanalisis makanan berdaftar, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah—

(a) jika ia mendapati bahawa tiada alasan yang cukup untuk menyokong pertuduhan itu, mengesyorkan kepada Majlis bahawa tiada tindakan perlu diambil; atau

(b) jika ia mendapati bahawa terdapat alasan yang menyokong pertuduhan itu, mengesyorkan kepada Majlis bentuk hukuman yang boleh dikenakan terhadap juruanalisis makanan berdaftar itu.

Rekod siasatan hendaklah dikemukakan kepada Majlis

18. Rekod mana-mana siasatan permulaan oleh Jawatankuasa Tatatertib hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Majlis dalam masa tiga puluh hari selepas selesai apa-apa siasatan itu.

Pengendorsan Majlis

19. Majlis hendaklah, setelah pendengaran apa-apa rayuan meringankan hukuman, menjalankan mana-mana kuasa tatatertibnya untuk mengenakan apa-apa hukuman di bawah seksyen 25 Akta.

Anggota yang tidak layak menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis yang menjalankan siasatan apa-apa perkara tatatertib

20. Tiada anggota Majlis atau Jawatankuasa Tatatertib boleh menghadiri atau mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat Majlis atau Jawatankuasa Tatatertib yang menjalankan siasatan mana-mana perkara tatatertib jika—

- (a) dia ialah pengadu;
- (b) dia sendiri mempunyai pengetahuan tentang mana-mana fakta berkaitan;
- (c) dia telah hadir di hadapan Jawatankuasa Tatatertib bagi tujuan membuat apa-apa pernyataan;
- (d) dia ialah anggota jawatankuasa yang membuat penyiasatan permulaan aduan; atau
- (e) dia ialah rakan kongsi atau saudara kepada pengadu, orang yang telah hadir di hadapan Jawatankuasa Tatatertib bagi tujuan membuat apa-apa pernyataan, atau juruanalisis makanan berdaftar.

BORANG A
[Subperaturan 3(1)]

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN

1. Nama penuh pemohon:
2. No. kad pengenalan:
3. Taraf kerakyatan:
4. Tarikh lahir:
5. (a) Alamat kediaman:.....
.....
(b) Alamat surat-menyurat (jika berlainan):
.....
(c) E-mel :
- (d) No. telefon:Telefon bimbit: Faks :
6. Butir-butir kelayakan:
(a) Keterangan kelayakan (sepenuhnya):
.....
(b) Institusi yang memberikan kelayakan:
.....
(c) Tarikh kelayakan:
.....

7. Butir-butir * Kiriman Wang/Cek/Draf Bank yang dilampirkan:
- (a) No:.....
- (b) Jumlah:.....
- (c) Pejabat Pos/Bank & Tarikh:.....
8. Bidang analisis makanan:
9. Saya lampirkan dokumen yang berikut sebagai bukti telah memenuhi keperluan tentang pengalaman di bawah subseksyen 18(1) dan 18(2) Akta Juruanalisis Makanan 2011:
- (a) Perakuan di bawah seksyen 18 Akta Juruanalisis Makanan 2011;
- (b) Gambar ukuran pasport yang terkini (dua salinan); dan
- (c) Keterangan sokongan bidang analisis.

PENGISYTIHARAN

Saya (nama penuh).....
nama pemohon di atas, dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan dokumen yang dilampirkan adalah salinan yang diperakui sah.

Saya tidak pada bila-bila masa didapati melakukan kesalahan yang melibatkan fraud, ketidakjujuran atau keburukan akhlak atau kesalahan yang boleh dihukum penjara (sama ada penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama tempoh dua tahun atau lebih.

Tarikh

Tandatangan Pemohon

PERAKUAN PENGENALAN

Saya (nama penuh) no. kad pengenalan
yang beralamat (alamat penuh)
.....
seorang (kerjaya)..... dengan ini mengesahkan
bahawa (nama pemohon)
yang permohonan bagi pendaftaran sebagai juruanalisis makanan dikemukakan di
atas dikenali oleh saya secara peribadi dan sebenarnya merupakan orang yang
namanya tertera dalam permohonan ini.

Tarikh

.....
(Tandatangan)

*Jruanalisis Makanan Berdaftar
atau seorang pegawai dalam
Kumpulan Pengurusan dan
Profesional Perkhidmatan Awam*

CATATAN:

1. Permohonan ini hendaklah dialamatkan dan dikemukakan kepada—

Setiausaha
Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

2. Fi yang perlu dibayar ialah RM250.00.

SLIP JAWAPAN

Majlis dengan ini mengakui penerimaan permohonan daripada (nama pemohon)
..... pada (tarikh) dan
permohonan tersebut sedang dipertimbangkan sewajarnya.

.....
Setiausaha

BORANG C
[Subperaturan 4(2)]

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PERAKUAN PENDAFTARAN

No. Perakuan Pendaftaran:

DENGAN INI DIPERAKUI BAHAWA (nama penuh)
yang beralamat (alamat penuh)
.....
memegang kelayakan
pada hari ini didaftarkan sebagai seorang juruanalisis makanan di bawah seksyen
18 Akta Juruanalisis Makanan 2011 tertakluk kepada sekatan dan syarat yang
ditetapkan oleh Majlis.

Bidang analisis makanan:

Tarikh
.....
Pengerusi
MAJLIS JURUANALISIS MAKANAN MALAYSIA

BORANG D
[Subperaturan 6(1)]

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PERMOHONAN BAGI PERAKUAN AMALAN TAHUNAN

1. Nama penuh pemohon (seperti dalam Daftar Juruanalisis Makanan):
.....
2. (a) Alamat kediaman:
.....
(b) Alamat surat-menyurat (jika berlainan):.....
.....
(c) E-mel:
(d) No. telefon:.....Telefon bimbit: Faks:.....
3. (a) Alamat tempat utama menjalankan amalan:
.....
(b) Alamat tempat lain menjalankan amalan:
.....
4. (a) No. Perakuan Pendaftaran:
(b) Tarikh pendaftaran:

5. Butir-butir * Kiriman Wang/Cek/Draf Bank yang dilampirkan:

(a) No.....

(b) Jumlah

(c) Pejabat Pos/Bank & Tarikh.....

Tarikh

Tandatangan Pemohon

CATATAN:

1. Permohonan ini hendaklah dialamatkan dan dikemukakan kepada—

Pendaftar
Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

2. Fi yang perlu dibayar ialah RM100.00.

3. Jika permohonan dibuat setelah tarikh tamat, caj kelewatan sebanyak RM50.00 perlu dibayar.

Untuk Kegunaan Rasmi Sahaja

No. Perakuan Amalan Tahunandikeluarkan pada

Fi sebanyak RM100.00 telah dibayar melalui no. resit

bertarikh

BORANG E
[Subperaturan 6(4)]

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PERAKUAN AMALAN TAHUNAN

TAHUN

No. Perakuan :

DENGAN INI DIPERAKUI BAHAWA.....No.
kad pengenalan.....tinggal di
.....,
sebagai seorang juruanalisis makanan berdaftar, dengan ini diberi kuasa untuk
menjalankan amalan sebagai seorang juruanalisis makanan (tertakluk kepada
sekatan atau syarat, jika ada, yang dinyatakan di dalam perakuan pendaftaran) bagi
tempoh bermula.....dan berakhir pada di—

(a)
.....
sebagai tempat utama menjalankan amalan; dan di—

(b)
.....
sebagai tempat lain menjalankan amalan.

Bidang analisis makanan:

Tarikh
.....
Pendaftar

BORANG F
[Subperaturan 7(1)]

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PEMBAHARUAN PERAKUAN AMALAN TAHUNAN

1. Nama penuh pemohon (seperti dalam Daftar Juruanalisis Makanan).....
2. (a) Alamat kediaman:.....
.....
(b) Alamat surat-menyurat (jika berlainan):.....
.....
(c) E-mel:.....
(d) No. telefon:..... Telefon bimbit : Faks:
3. (a) Alamat tempat utama menjalankan amalan:.....
.....
(b) Alamat tempat lain menjalankan amalan:.....
.....
4. (a) No. Perakuan Pendaftaran:.....
(b) Tarikh pendaftaran:
5. No. Perakuan Amalan Tahunan lepas:.....
6. Butir-butir * Kiriman Wang/Cek/Draf Bank yang dilampirkan:
(a) No:.....
(b) Jumlah:
(c) Pejabat Pos/Bank & Tarikh:.....

Tarikh

.....

Tandatangan Pemohon

NOTA:

1. Permohonan ini hendaklah dialamatkan dan dihantar kepada—

Pendaftar
Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

2. Fi yang perlu dibayar ialah RM100.00.

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

No. Perakuan Amalan Tahunan: dikeluarkan pada

Bayaran sebanyak RM100.00 telah dibayar melalui no. resit.....bertarikh.....

BORANG G
[Subperaturan 7(2)]

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

PEMBAHARUAN PERAKUAN AMALAN TAHUNAN DENGAN CAJ LEWAT

1. Nama penuh pemohon (seperti dalam Daftar Juruanalisis Makanan).....
.....
2. (a) Alamat kediaman:.....
.....

(b) Alamat surat-menyurat (jika berlainan) :.....
(c) E-mel:.....
(d) No. telefon: Telefon bimbit : Faks:
3. (a) Alamat tempat utama menjalankan amalan:.....
.....
(b) Alamat tempat lain menjalankan amalan:
.....
4. (a) No. Perakuan Pendaftaran:
(b) Tarikh pendaftaran:
5. No. Perakuan Amalan Tahunan yang lalu:.....
6. Butir-butir * Kiriman Wang/Cek/Draf Bank yang dilampirkan:
(a) Bayaran Pembaharuan
(i) No:.....
(ii) Jumlah:

(iii) Pejabat Pos/Bank & Tarikh.....

(b) Caj Lewat

(i) No:.....

(ii) Amaun:

(iii) Pejabat Pos/Bank & Tarikh:.....

Tarikh

.....

Tandatangan Pemohon

NOTA:

1. Permohonan ini hendaklah dialamatkan dan dihantar kepada —

Pendaftar
Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

2. Fi yang perlu dibayar ialah RM100.00.

3. Jika permohonan ini dibuat selepas tamat tempoh, caj lewat sebanyak RM50.00 perlu dibayar.

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

No. Perakuan Amalan Tahunan : dikeluarkan pada

Bayaran sebanyak RM100.00 telah dibayar melalui resit no.....bertarikh.....

Caj kelewatan sebanyak RM50.00 telah dibayar melalui no. resit.....
bertarikh

JADUAL
[Perenggan 3(2)(a), 5(2)(a), 6(2)(a) dan subperaturan 7(1) dan perenggan 8(2)(a)]

AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

PERATURAN-PERATURAN JURUANALISIS MAKANAN 2013

FI

Perkara	Fi (RM)
Pendaftaran	250.00
Permohonan bagi salinan yang diperakui sah perakuan pendaftaran	50.00
Permohonan bagi perakuan amalan tahunan	100.00
Permohonan bagi pembaharuan perakuan amalan tahunan	100.00
Caj kelewatan bagi pembaharuan perakuan amalan tahunan	50.00
Permohonan bagi salinan yang diperakui sah perakuan amalan tahunan	20.00

Dibuat 6 Mac 2013
[KKM-163/S/13; PN(PU2)703/II]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan

FOOD ANALYSTS ACT 2011
FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

REGISTRATION OF FOOD ANALYST

3. Application for registration
4. Registration
5. Certified true copy of certificate of registration
6. Application for annual practising certificate
7. Renewal of annual practising certificate
8. Certified true copy of annual practising certificate
9. Display of annual practising certificate, *etc.*
10. Practising other than a field of food analysis approved
11. Maintenance and production of records, *etc.*

PART III
DISCIPLINARY INQUIRIES

Regulation

12. Disciplinary Committee
13. Disciplinary Committee to abide by procedure
14. Disciplinary Committee may require an investigation
15. Complaint against registered food analyst
16. Summary dismissal of complaint
17. Procedure of inquiry
18. Records of inquiry to be submitted to the Council
19. Endorsement of the Council
20. Members who are disqualified from any meeting of the Council inquiring into any disciplinary matter

SCHEDULE

FOOD ANALYSTS ACT 2011

FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013

IN exercise of the powers conferred by section 47 of the Food Analysts Act 2011 [Act 727], the Minister, after consultation with the Council makes the following regulations:

PART I
PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Food Analysts Regulations 2013**.

(2) These Regulations come into operation on 15 March 2014.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires –

“Act” means the Food Analysts Act 2011 [Act 727];

“Council” means the Malaysian Food Analysts Council established under section 4 of the Act;

“Chairman” means Chairman of the Disciplinary Committee; and

“Disciplinary Committee” means a Disciplinary Committee established under the Act.

PART II
REGISTRATION OF FOOD ANALYST

Application for registration

3. (1) Any person who is desirous of being registered as a food analyst shall make an application to the Council in Form A.

(2) Every application for registration as a food analyst shall be accompanied with—

- (a) the registration fee as specified in the Schedule;
- (b) the evidence of qualifications provided in subsection 18(1) of the Act;
- (c) two copies of recent passport size photograph;
- (d) supporting evidence of analysis field; and
- (e) any other information as the Council may require.

(3) Where the applicant is a body corporate, the application shall be completed and signed by a person or persons duly authorized in that behalf by the body corporate.

(4) Upon the submission of the application by the applicant, the Council may at its discretion accept or reject the application.

(5) The Registrar shall notify the applicant the decision of the Council in relation to the application made by the applicant.

Registration

4. (1) Upon an application for registration as a food analyst being approved by the Council, a food analyst shall be registered in the Register as specified in Form B.

(2) Where a person is registered under this Act, the Council shall issue to him a certificate of registration as specified in Form C.

(3) The Council may impose any conditions as it thinks fit for the issuance of the certificate of registration and may, from time to time, alter, add, cancel or amend the conditions imposed on the certificate of registration issued.

(4) The Council shall specify the field of food analysis practised by the registered food analyst in the certificate of registration.

Certified true copy of certificate of registration

5. (1) A holder of a certificate of registration may apply in writing to the Council for a certified true copy of a certificate of registration if the certificate is lost, damaged or mutilated.

(2) An application under subregulation (1) shall be accompanied with—

(a) the fee as specified in the Schedule; and

(b) a copy of a statutory declaration made by the holder of the certificate to the effect that the certificate issued to him is lost, damaged or mutilated.

(3) The Council may issue a certified true copy of the certificate of registration to the holder of the certificate of registration if the Council is satisfied that the original certificate is lost, damaged or mutilated.

(4) The copy of the original certificate issued under subregulation (3) shall have the same effect as the original certificate.

Application for annual practising certificate

6. (1) Any registered food analyst who intends to practise as a food analyst shall make an application to the Registrar for an annual practising certificate as specified in Form D.

(2) Every application for an annual practising certificate shall be accompanied with—

(a) the fee as specified in the Schedule;

(b) a copy of the certificate of registration; and

(c) any other information as the Registrar may require.

(3) Where the applicant is a body corporate, the application shall be completed and signed by a person or persons duly authorized in that behalf by the body corporate.

(4) Upon an application for annual practising certificate being approved, the Registrar shall issue an annual practising certificate under subsection 20(2) of the Act as specified in Form E.

(5) The Registrar may impose any conditions as it thinks fit for the issuance of the annual practising certificate and may, from time to time, alter, add, cancel or amend the conditions imposed on the certificate issued.

Renewal of annual practising certificate

7. (1) An annual practising certificate may be renewed upon application being made to the Registrar in Form F and shall be accompanied with the renewal fee as specified in the Schedule not less than thirty days before the expiration of such certificate.

(2) Any registered food analyst who intends to continue the practice but fails to make renewal application before the expiration of the annual practising certificate may make an application to the Registrar in Form G and shall be accompanied with the renewal fee as specified in the Schedule.

(3) The Registrar may, when approving the renewal of the annual practising certificate, impose any conditions as he thinks fit.

Certified true copy of annual practising certificate

8. (1) A holder of an annual practising certificate may apply in writing to the Registrar for a certified true copy of an annual practising certificate if the certificate is lost, damaged or mutilated.

(2) An application under subregulation (1) shall be accompanied by—

(a) the fee as specified in the Schedule; and

(b) a copy of a statutory declaration made by the holder of the annual practising certificate to the effect that the certificate issued to him is lost, damaged or mutilated.

(3) The Registrar may issue a certified true copy of the annual practising certificate to the holder of the annual practising certificate if the Registrar is satisfied that the original certificate is lost, damaged or mutilated.

(4) The copy of the original certificate issued under subregulation (3) shall have the same effect as the original certificate.

Display of annual practising certificate, etc.

9. (1) A holder of an annual practising certificate shall cause the certificate to be displayed at all times in a conspicuous part of the premises specified in the certificate.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the holder of an annual practising certificate shall display such other information in such manner as the Council may from time to time require.

Practising other than a field of food analysis approved

10. A registered food analyst who practises as food analyst in a field other than the field of food analysis approved by the Council and specified in the certificate of registration and annual practising certificate may be imposed with a disciplinary action.

Maintenance and production of records, etc.

11. (1) A holder of an annual practising certificate shall at all times keep and maintain or cause to be kept or maintained an analysis record for a period of not less than five years.

(2) The holder of an annual practising certificate shall produce the record or any such other documents relating to the food analysis to any authorised officer on demand for inspection purposes.

PART III
DISCIPLINARY INQUIRIES

Disciplinary Committee

12. (1) The Council may appoint any person to be the member of the Disciplinary Committee.

(2) The Disciplinary Committee shall consist of three members and one of them as the Chairman who shall be appointed by the Council.

(3) The Council may at any time—

(a) revoke the appointment of any member of the Disciplinary Committee;

(b) remove any member of the Disciplinary Committee;

(c) fill any vacancy in the Disciplinary Committee; or

(d) subject to subregulation (2), increase the number of the Disciplinary Committee members.

(4) No act done or proceeding taken under this regulation shall be questioned on the ground of any vacancy of the membership in the Disciplinary Committee.

(5) The Chairman shall preside at all meetings of the Disciplinary Committee.

(6) The Disciplinary Committee shall meet on such date and at such place and time as the Chairman may determine.

(7) The quorum of the Disciplinary Committee shall be two.

(8) All questions raised at meetings of the Disciplinary Committee shall be decided by a majority of votes and in the event of an equality of votes the Chairman shall have a casting vote.

(9) The Chairman shall cause to be kept records of all meetings of the Disciplinary Committee.

Disciplinary Committee to abide by procedure

13. In the exercise of its functions under these Regulations, the Disciplinary Committee shall abide by the procedures set out in these Regulations.

Disciplinary Committee may require an investigation

14. Before making a decision regarding any matter which it is required to determine, the Disciplinary Committee may, if it considers it is necessary to obtain further explanation, require an investigation to be conducted by a subcommittee for the purpose of obtaining an explanation and a recommendation.

Complaint against registered food analyst

15. Where a complaint is made against any registered food analyst alleging that such person has committed the offence listed under subsection 23(2) of the Act, such complaint shall be forwarded by the Council to the Chairman.

Summary dismissal of complaint

16. (1) The Disciplinary Committee to which such complaint has been forwarded, may summarily dismiss any complaint if it is satisfied—

- (a) that the name and address of the complainant is unknown or untraceable;
- (b) that even if the facts were true, the facts do not constitute a disciplinary matter; or
- (c) for reasons which must be recorded, that there is reason to doubt the truth of the complaint.

(2) The Disciplinary Committee may before making any decision require the complainant to make a statutory declaration of the facts alleged by him.

Procedure of inquiry

17. (1) Where the Disciplinary Committee has reason to believe that the complaint is probably true, it shall—

- (a) by order in writing require the attendance of the complainant or any person appears to be acquainted with the circumstances, before the Disciplinary Committee, on a date and time and at a place to be specified therein; and
- (b) inform the registered food analyst whom the allegations are made, the substance of the complaint, the date, time and place at which the inquiry into the complaint shall be made, and of his rights to be present with or without a counsel, to cross-examine such persons who may be called at the inquiry.

(2) The Disciplinary Committee shall convene on the date, time and place specified in the order and shall proceed to inquire into the allegation made against the registered food analyst.

(3) The Disciplinary Committee shall examine the complainant or the persons in support of the allegation, who may in turn be cross-examined by the registered food analyst and if necessary reexamined and shall reduce into writing the statement made by the complainant or such persons examined.

(4) After taking the statements of the complainant or the persons in support of the allegation, the Disciplinary Committee shall—

- (a) if it finds that there are no sufficient grounds to support the allegation, recommend to the Council that no action need to be taken; or
- (b) if it finds that the statement supports the allegation, frame a charge and explain to the registered food analyst that he is at liberty to state his defence on the charge framed against him.

(5) If the registered food analyst after being informed of his right under subregulation (4) elects not to make a statement, the Disciplinary Committee shall determine the matter in accordance to subregulation (7).

(6) If the registered food analyst elects to make his defence before the Disciplinary Committee, the Disciplinary Committee shall record his statement as far as possible, word for word.

(7) If the registered food analyst elects not to make a statement or after taking the registered food analyst's statement, the Disciplinary Committee shall—

- (a) if it finds that there are no sufficient grounds to support the charge, recommend to the Council that no action need to be taken; or

- (b) if it finds that there are grounds to support the charge, recommend to the Council the form of punishment to be imposed on the registered food analyst.

Records of inquiry to be submitted to the Council

18. The records of any preliminary inquiry by the Disciplinary Committee shall be prepared and submitted to the Council within thirty days of completion of such inquiry.

Endorsement of the Council

19. The Council shall, after hearing any plea in mitigation, exercise its disciplinary authority to impose any punishment under section 25 of the Act.

Members who are disqualified from any meeting of the Council inquiring into any disciplinary matter

20. No member of the Council or the Disciplinary Committee shall attend or participate in any meeting of the Council or the Disciplinary Committee inquiring into any disciplinary matter if-

- (a) he was the complainant;
- (b) he is personally acquainted with any relevant fact;
- (c) he has appeared before the Disciplinary Committee for the purpose of making any statement;
- (d) he was a member of the committee making preliminary investigation into the complaint; or

- (e) he is a partner or a relative of the complainant, the persons appearing before the Disciplinary Committee for the purpose of making any statement or the registered food analyst.

FORM A
[Subregulation 3(1)]

FOOD ANALYSTS ACT 2011
FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013
APPLICATION FOR REGISTRATION

1. Full name of applicant :
2. Identification card no. :.....
3. Citizenship status:
4. Date of birth:
5. (a) Residential address:.....
.....
(b) Postal address (if different):
.....
(c) E-mail:
- (d) Telephone no: Handphone:Fax :.....
6. Particulars of qualification:
(a) Description of qualification (in full):
.....
(b) Institution which granted qualification:
.....
(c) Date of qualification:
.....

7. Particulars of * Money Order/Cheque/Bank Draft which is attached:
- (a) No:.....
- (b) Amount:.....
- (c) Post Office/Bank & Date:.....
8. Field of food analysis:
9. I attach the following documents of proof of having satisfied the requirement as to experience under subsections 18(1) and 18(2) of the Food Analysts Act 2011:
- (a) Certificate under section 18 of the Food Analysts Act 2011;
- (b) Recent passport sized photographs (two copies); and
- (c) Supporting evidence of analysis field.

DECLARATION

I (full name).....
the above name applicant, hereby declare that the particulars stated in this application are true and the documents attached are certified true copies.

I have not at any time been found guilty of an offence involving fraud, dishonesty or moral turpitude or an offence punishable with imprisonment (whether in itself only or in addition to or in lieu of a fine) for a term of two years or upward.

Date

.....
Signature of Applicant

CERTIFICATE OF IDENTITY

I (full name).....identity card no.....
of (full address).....
.....
being a (profession).....do hereby certify that
(name of applicant).....
whose application for registration as a food analyst is submitted above is known to
me personally and is in fact the person whose name appears on this application.

Date

.....

(Signature)

*Registered Food Analyst
or an officer in the
Managerial and Professional
Group of the Public Service*

NOTES:

1. This application should be addressed and submitted to—

Secretary
Malaysian Food Analysts Council
Food Safety and Quality Division
Ministry of Health
Level 3, Block E7, Parcel E
Federal Government Administrative Centre
62590 Putrajaya

2. The payable fee is RM250.00.

REPLY SLIP

The Council hereby acknowledged the receipt of application from (applicant's name)on (date) and that the application is being duly considered.

.....
Secretary

FORM C
[Subregulation 4(2)]
FOOD ANALYSTS ACT 2011
FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013
CERTIFICATE OF REGISTRATION

Certificate of Registration No.:

IT IS HEREBY CERTIFIED THAT (full name)

of (full address).....
.....

holding the qualification of

has this day been registered as a food analyst under section 18 of the Food Analysts Act 2011 subject to the following restrictions and conditions as stipulated by the Council.

Field of food analysis:

Date

.....
Chairman
MALAYSIAN FOOD ANALYST COUNCIL

FORM D
[Subregulation 6(1)]

FOOD ANALYSTS ACT 2011

FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013

APPLICATION FOR ANNUAL PRACTISING CERTIFICATE

1. Full name of applicant (as in Register of Food Analysts):.....

2. (a) Residential address:.....
.....
(b) Postal address (if different):
.....
(c) E-mail:
(d) Telephone no:Handphone: Fax :

3. (a) Address of principal place of practice:
.....
(b) Address of other place of practice:
.....

4. (a) Certificate of Registration no.:
(b) Date of registration:.....

5. Particulars of * Money Order/Cheque/Bank Draft which is attached:
(a) No.....

(b) Amount

(c) Post Office/Bank & Date.....

Date.....

Signature of Applicant

NOTES:

1. This application should be addressed and submitted to—
 Registrar
 Malaysian Food Analysts Council
 Food Safety and Quality Division
 Ministry of Health
 Level 3, Block E7, Parcel E
 Federal Government Administrative Centre
 62590 Putrajaya
2. The payable fee is RM100.00.
3. Where the application is made after the expiry date, a late charges of RM50.00 is payable.

For Official Use Only

Annual Practising Certificate No.issued on

Fee of RM 100.00 paid vide receipt no..... dated

FORM E
[Subregulation 6(4)]

FOOD ANALYSTS ACT 2011
FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013
ANNUAL PRACTISING CERTIFICATE

YEAR

Certificate No. :

IT IS HEREBY CERTIFIED THATIdentity card no.
residing at
being a registered food analyst, is hereby authorised to practise as a food analyst
(subject to the restrictions and conditions, if any, stated in the certificate of
registration) for a period commencing.....and ending on.....
..... at—

(a)
.....
being the principal place of practice, and at—

(b)
.....
being the other place/places of practice.

Field of food analysis:.....

Date:.....

.....

Registrar

FORM F
[Subregulation 7(1)]

FOOD ANALYSTS ACT 2011

FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013

RENEWAL OF ANNUAL PRACTISING CERTIFICATE

1. Full name of applicant (as in Register of Food Analysts):.....

2. (a) Residential address:.....
.....
(b) Postal address (if different):
.....
(c) E-mail:.....
(d) Telephone no:Handphone: Fax :

3. (a) Address of principal place of practice:
.....
(b) Address of other place of practice:
.....

4. (a) Certificate of Registration no.:
(b) Date of registration:

5. Last Annual Practising Certificate No. :

6. Particulars of * Money Order/Cheque/Bank Draft which is attached:

(a) No:.....

(b) Amount :.....

(c) Post Office/Bank & Date:.....

Date.....

.....
Signature of Applicant

NOTES:

1. This application should be addressed and submitted to—

Registrar
Malaysian Food Analysts Council
Food Safety and Quality Division
Ministry of Health
Level 3, Block E7, Parcel E
Federal Government Administrative Centre
62590 Putrajaya

2. The payable fee is RM100.00.

For Official Use Only

Annual Practising Certificate No.issued on

Fee of RM100.00 paid vide receipt no..... dated

FORM G
[Subregulation 7(2)]

FOOD ANALYSTS ACT 2011

FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013

RENEWAL OF ANNUAL PRACTISING CERTIFICATE
WITH LATE CHARGES

1. Full name of applicant (as in Register of Food Analysts):.....

2. (a) Residential address:.....
.....
(b) Postal address (if different):
.....
(c) E-mail address:
(d) Telephone no:Handphone: Fax :

3. (a) Address of principal place of practice:
.....
(b) Address of other place of practice:
.....

4. (a) Certificate of Registration no.:
(b) Date of registration:

5. Last Annual Practising Certificate No. :

6. Particulars of * Money Order/Cheque/Bank Draft which is attached:

(a) Renewal Fee

- (i) No:.....
- (ii) Amount:.....
- (iii) Post Office/Bank & Date:.....

(b) Late Charges

- (i) No:.....
- (ii) Amount:.....
- (iii) Post Office/Bank & Date:.....

Date.....

.....
Signature of Applicant

NOTES:

1. This application should be addressed and submitted to—

Registrar
Malaysian Food Analysts Council
Food Safety and Quality Division
Ministry of Health
Level 3, Block E7, Parcel E
Federal Government Administrative Centre
62590 Putrajaya
2. The payable fee is RM100.00.
3. Where the application is made after the expiry date, a late charges of RM 50.00 is payable.

For Official Use Only

Annual Practising Certificate no:.....issued on

Fee of RM100.00 paid vide receipt no..... dated.....

Late charges of RM50.00 paid vide receipt no.....dated

SCHEDULE
[Paragraphs 3(2)(a), 5(2)(a), 6(2)(a) and subregulation 7(1) and
paragraph 8(2)(a)]

FOOD ANALYSTS ACT 2011
FOOD ANALYSTS REGULATIONS 2013

FEE

Matters	Fee (RM)
Registration	250.00
Application for certified true copy of certificate of registration	50.00
Application for annual practising certificate	100.00
Application for renewal of annual practising certificate	100.00
Late charges for renewal of annual practising certificate	50.00
Application for certified true copy of annual practising certificate	20.00

Made 6 March 2013
[KKM-163/S/13; PN(PU2)703/II]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Minister of Health